



TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
(AKADEMIK DAN PEMBANGUNAN)
DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
(ACADEMIC AND DEVELOPMENT)

Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Telefon : 603-8870 6401
Faks : 603-88706842
Portal Rasmi : <http://jpt.moe.gov.my>

No. Rujukan: JPT(BEM)1000/010/04/030 (44)
Tarikh : 1 April 2020

Semua Naib Canselor, Universiti Awam (UA)
Semua Ketua Eksekutif, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin Paduka/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**SARINGAN PELAJAR YANG PULANG DARI LUAR NEGARA BAGI SEMUA
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) BERKUAT KUASA 3 APRIL 2020**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Berhubung dengan surat JPT.R(BEM)3000/010/04(2) bertarikh 31 Mac 2020 dan berdasarkan perkembangan semasa, semua UA dan IPTS hendaklah mengambil perhatian kepada perkara seperti berikut selaras dengan pengumuman oleh YB Dato Seri Ismail Sabri, Menteri Kanan (Keselamatan) pada 31 Mac 2020:

- i. Kerajaan telah membuat keputusan bahawa setiap rakyat Malaysia yang **pulang ke tanah air dari luar negara** akan di kuarantin selama 14 hari di **Pusat Kuarantin yang telah dikhaskan**, berkuatkuasa **3 April 2020**.
- ii. **Sejurus tiba** di lapangan terbang atau pintu laluan darat dan laut, bas akan disediakan untuk membawa mereka ke Pusat Kuarantin dan mereka akan **disaring oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**.
- iii. Bagi mereka yang didapati **positif** akan terus dihantar ke **Hospital**.
- iv. Jika **negatif**, mereka akan **dikuarantin selama 14 hari** dan sekiranya **didapati positif dalam tempoh 14 hari**, KKM akan mengambil tindakan untuk **membawa ke hospital**.
- v. **Kementerian Luar Negara (Wisma Putra)** akan **memaklumkan SOP** ini kepada semua rakyat Malaysia yang **berhasrat untuk pulang ke tanah air**.

vi. Dinasihatkan **keluarga tidak ke lapangan terbang** untuk menyambut kepulangan kerana mereka akan terus ke pusat kuarantin.

3. Semua UA dan IPTS juga dimohon untuk merujuk kepada garis panduan dan arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa selaras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang sedang berkuat kuasa.

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin Paduka/Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' PROF. IR. DR. MOHD SALEH BIN JAAFAR)

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

(Akademik dan Pembangunan)

b/p Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi